

## **PELAKSANAAN DASAR PANDANG KE TIMUR DAN IMPAKNYA TERHADAP PEMBANGUNAN KOMUNITI DI MALAYSIA**

Nor Azlina binti Endut (Pembentang)<sup>1</sup>

Rohaini binti Amin<sup>2</sup>

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

### **ABSTRAK**

*Dasar Pandang ke Timur tidak hanya sekadar retorik politik Tun Dr. Mahathir Mohamad, ianya telah disusun dan sarat dengan berbagai program bagi menjamin kejayaan dasar ini. Dasar ini diperkenalkan bertujuan untuk mengubah pemikiran dan paradigma supaya tidak terlalu taksud dengan pihak Barat terutama Britain. Adalah amat penting mengubah tanggapan bahawa semua yang datang dari Barat adalah baik dan digantikan sebagai alternatif adalah dengan melihat ke Timur terutamanya negara Jepun. Pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur menyaksikan kerajaan Jepun begitu aktif membantu Malaysia untuk membangunkan infrastruktur, sektor perdagangan, perindustrian dan juga pendidikan teknikal. Sumbangan dan kerjasama yang dijalinakan telah memberikan impak yang tersendiri dalam perkembangan sosioekonomi dan pembangunan komuniti di Malaysia. Maka makalah ini akan membincangkan hubungan Malaysia-Jepun menerusi pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur dan impaknya kepada Malaysia.*

**Kata kunci:** Dasar luar, Dasar Pandang ke Timur, impak dan pembangunan komuniti

### **PENGENALAN**

Dasar luar merupakan salah alat yang tidak boleh dipisahkan dalam sesuatu hubungan antarabangsa sesebuah negara. Malah ia menjadi pertimbangan utama dalam menjalinkan sesuatu hubungan dengan negara lain di dunia. Malaysia juga tidak terkecuali dalam perkara berkaitan dasar luar ini. Malaysia mula mengambil

---

<sup>1</sup> Penulis adalah pensyarah di Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, KUIS

<sup>2</sup> Penulis adalah pensyarah dan Ketua Jabatan di Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, KUIS

tanggungjawab menjaga hal ehwal luarnya sebaik sahaja negara bebas dan merdeka dari penjajahan Inggeris pada 31 Ogos 1957. Sebelum mencapai kemerdekaan, Tanah Melayu tidak diberi kebebasan dan hak untuk mengendalikan dasar luarnya sendiri dan hanya diwakili oleh diplomat-diplomat Inggeris.

Keadaan itu mula mengalami transformasi apabila Tanah Melayu muncul sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Justeru, Perdana Menteri memainkan peranan penting dan berpengaruh dalam menentukan hala tuju dasar luar yang diuruskan secara profesional oleh diplomat-diplomat secara terlatih di Kementerian Luar Negeri atau dikenali sebagai Wisma Putra. Hubungan bilateral dan multilateral dengan sesebuah negara lain amat diperlukan bukan sahaja di peringkat serantau malah pada peringkat antarabangsa bagi menjamin kedudukan dan kepentingan masing-masing. Ini menunjukkan dasar luar merupakan asas bagi meneruskan kesinambungan *survival* negara tersebut. Namun demikian, akan wujud pertelingkahan dan ketidaksefahaman dalam mengamalkan polisi dalaman dan luaran sehingga menyebabkan berlakunya blok-blok negara yang mewakili posisi berbeza. Maka di sinilah pemimpin-pemimpin negara memainkan peranan mereka dalam mencorakkan dasar luar masing-masing.

## **PEMBENTUKAN HUBUNGAN BILATERAL MALAYSIA DENGAN JEPUN SELEPAS KEMERDEKAAN 1957**

Selepas Perang Dunia Kedua, Jepun telah bangkit daripada kesilapan mereka akibat ketaksuban untuk memperluaskan pengaruh mereka di benua Asia dan benua lain. Kejatuhan daripada perang tersebut telah mengajar Jepun untuk memperluaskan pengaruh dan pemikiran mereka melalui kegiatan ekonomi, budaya, bahasa dan sebagainya. Justeru itu, aktiviti pelaburan dan ekonomi merupakan antara medium pengantara kepada proses tersebut (Wanandi, 2003). Adalah menjadi satu kesukaran kepada Malaysia dan Jepun pada awalnya untuk membentuk semula hubungan baik yang sebelum ini telah terbentuk dan dirosakkan oleh Jepun sendiri melalui proses imperialisme dalam Perang Dunia Kedua yang telah membawa imej buruk kepada hubungan dengan negara-negara tersebut.

Jepun telah mengambil langkah dengan merendahkan diri mereka dengan memujuk dan berbaik semula melalui penyaluran bantuan dan sumbangan kepada negara-negara tersebut. Negara-negara tersebut termasuk Malaysia yang banyak menerima tempias daripada kekejaman pemerintahan tentera Jepun terdahulu. Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman amat tertumpu kepada hubungan dengan Barat sebagai landasan pentadbiran. Ini disebabkan oleh faktor-faktor latar belakang dan keperibadian Tunku

serta laluan kemerdekaan yang dicapai daripada Barat sehingga dijadikan Barat sebagai satu paksi kepada sentrik Malaysia bagi proses pembangunan Persekutuan Tanah Melayu.

Jika dilihat dari segi sejarah dan geografi, Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain telah mendapat perhatian Jepun sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi kerana faktor wilayah ini yang kaya dengan galian bumi seperti bijih besi, getah dan sebagainya. Jepun yang banyak membangunkan negara dan industri mereka telah banyak bergantung kepada keperluan bahan mentah ini bagi memenuhi keperluan ekonomi mereka. Oleh yang demikian, dengan menggunakan strategi diplomasi, pengaruh dan budaya Jepun dapat dikembangkan ke seluruh dunia melalui keunikan identiti dan teknologi Jepun. Jepun pada era pasca perang lebih menonjolkan identiti sebenar mereka yang lebih bercirikan kelembutan dalam ketegasan berbanding semasa Perang Dunia Kedua yang lebih dikenali dengan sifat ganas dan kasar oleh dunia luar.

### **Pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur: Jepun sebagai Contoh Negara Maju**

Apabila Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981, beliau tetap meneruskan dasar perdagangan pintu terbuka. Beliau berpendapat, monopoli Britain mesti dipecahkan supaya ekonomi Malaysia tidak berada di bawah pengaruh Barat. Dasar kolonial sememangnya menganggap sikap Malaysia yang terlalu menjaga kepentingan nasionalnya sebagai suatu yang negatif. Pendirian Malaysia menegaskan bahawa 'zaman Malaysia sekarang adalah zaman bertindak, bukan lagi zaman bekas anak jajahan yang boleh diperbudak-budakkan' (Abdul Samad, 1982).

Selaras dengan itu, rakyat disyorkan supaya bersedia menerima kenyataan bahawa Timur itu tidak selalunya lemah dan Barat itu tidak selalunya hebat. Justeru, di bawah pimpinan Mahathir Mohamad, beliau mengejutkan negara dengan satu perubahan dalam dasar yang ingin dilaksanakan dengan menjalankan dasar luar negara yang begitu berbeza dengan tiga Perdana Menteri sebelumnya. Untuk tujuan ini, Dasar Pandang ke Timur telah diumumkan dan mula dilaksanakan bermula tahun 1982.

Di awal pemerintahan Mahathir Mohamad sebagaimana dalam hubungan politik, beliau turut memanasifasikan orientasi anti British beliau dalam hubungan ekonomi. Dasar *Buy British Last* merupakan refleksi dari dasar anti British beliau dalam hubungan ekonomi yang dijalankan sebagai jawapan balas terhadap keperibadian ahli korporat British yang bukan sahaja tidak peka dengan dasar-dasar kerajaan Malaysia malah sering melakukan campur tangan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pekerja Malaysia. Sikap peniaga Britain yang tidak peka dengan dasar ekonomi domestik

Malaysia seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menginginkan pembabitan bumiputera di dalam ekonomi begitu menjengkelkan Malaysia (Faridah Jaafar, 2012). Malaysia juga tersinggung dengan sikap media Britain yang membuat laporan yang bersifat prejudis terhadap dasar ekonomi domestik negara. Media Britain sering melapor dan mendiskrifikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempraktikkan diskriminasi etnik dalam hubungan ekonomi kerana golongan etnik Cina dan India menurut mereka bukan sahaja dinafikan hak mereka malah ditindas dalam lapangan ekonomi dan pendidikan.

Pada dasarnya, dasar ini membawa pengertian bahawa kerajaan akan melakukan analisis, penyelidikan, pemilihan nilai-nilai dan etika kerja, dan teladan yang positif daripada negara Jepun dan Korea dengan mengadaptasi dan mengimprovisasi nilai-nilai tersebut dengan keadaan di Malaysia. Menurut Mahathir Mohamad, intisari Dasar Pandang Ke Timur adalah etika kerja, cara pengurusan, disiplin dan dedikasi. Selain daripada itu dasar ini juga sebagai usaha Malaysia mengubah dasar ekonomi tradisional negara yang berasaskan pertanian dan perlombongan kepada negara berasaskan perindustrian.

Dasar ini juga boleh disifatkan sebagai refleksi dari keperibadian Mahathir Mohamad yang tidak begitu selesa dengan Barat dan ingin mencari nilai-nilai baru dari Timur di dalam membangunkan ekonomi negara. Dalam pencarian tersebut beliau telah mengangkat negara-negara maju seperti Jepun dan Korea untuk dicontohi dan dianggap sebagai *role model* dalam pembangunan negara. Namun Mahathir Mohamad masih mengingatkan dasar ini bukan mengimitasi negara Jepun atau Korea secara membuta tuli sebaliknya negara akan bersifat selektif dimana perbezaan sosio- politik, budaya antara Malaysia dan Jepun akan dijadikan sandaran dalam membuat sebarang keputusan yang menyangkut dasar ini.

Dasar ini adalah sebahagian daripada pengadaptasian contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun yang disesuaikan dengan keadaan di Malaysia. Jepun merupakan negara yang amat pesat membangun malah lebih maju daripada Barat dalam beberapa bidang. Menurut Zainuddin (1994), satu perkara yang amat menarik perhatian Mahathir Mohamad untuk menjadikan Jepun sebagai contoh terbaik adalah kerana sikap Jepun sendiri yang telah membina negaranya menjadi kuasa besar ekonomi dunia atas sisa-sisa atom Amerika Syarikat dengan mengamalkan pasaran bebas iaitu campuran unik antara Barat dan Timur.

Kenyataan ini disokong oleh Chamil Wariya (1989) yang menyatakan bahawa pelaksanaan dasar ini oleh Mahathir Mohamad adalah kerana Jepun merupakan sebuah negara industri yang paling berjaya di dunia pada abad ini. Selain itu, Barat pada ketika itu sedang mengalami kemerosotan yang amat teruk terutamanya dalam kalangan negara-negara maju dan faktor yang dikaitkan dengan perkembangan ekonomi Malaysia sendiri. Menurut Abdul Aziz (1997), objektif utama dasar ini adalah untuk meningkatkan prestasi pengurusan di sektor awam dan swasta dan pembangunan negara serta mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif demi mencapai kemajuan negara.

Selama lebih dua dekad Mahathir Mohamad mengetuai kerajaan Malaysia, pelbagai perubahan dari segenap aspek telah dilakukannya sama ada di peringkat domestik mahupun yang melibatkan hubungan dan dasar luar negara. Kerajaan yang ditadbir beliau telah berjaya membawa Malaysia menjadi salah sebuah Negara Perindustrian Baru (NIC) menerusi program pembangunan yang menjana pendapatan negara ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam hubungan antarabangsa pula, beliau melakukan perubahan besar dengan menamatkan "hubungan istimewa" yang dijalinkan dengan Britain dan menjadi perwira bagi negara-negara membangun dan Dunia Ketiga.

Pendekatan dalam pelaksanaan dasar luar era Mahathir Mohamad telah dikatakan berubah daripada sebuah dasar yang berfokus kepada pertahanan dan keselamatan negara yang dibawa oleh Perdana Menteri terdahulu menjadi sebuah dasar luar yang lebih moden dan bersifat tegas dalam mengimplementasikan diplomasi yang melibatkan hal-hal komersil dan pembangunan negara.

### **Impak Dasar Pandang ke Timur**

Perkara-perkara yang harus ditumpukan melalui dasar ini ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, tekanan daya pengeluaran (produktiviti) dan mutu yang tinggi (kualiti), peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja am sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan bagi negara kita (Pekeliling Jabatan Perdana Menteri 1983).

Dasar Pandang ke Timur merupakan satu dasar pengukuhan kepada hubungan diplomasi Malaysia dengan Jepun. Pembentukan dasar ini berikutan kepercayaan

Mahathir Mohamad terhadap Jepun sejak dahulu lagi yang menjadi aktor kepada pembangunan Malaysia. Selain itu, berikutan dengan kekecewaan beliau terhadap ketamadunan Barat yang tidak menghormati negara-negara di wilayah Timur dan seringkali menganggap negara Timur sebagai wilayah yang ketinggalan zaman dan tidak mengikut arus ketamadunan. Mahathir Mohamad juga beranggapan bahawa Britain tidak pernah serius untuk memajukan Malaysia malah hanya mempergunakan Malaysia sebagai alat kepentingan ekonomi mereka sendiri.

Kesan penghantaran pelajar ke negara-negara Barat tidak membawa kesan yang baik kerana setelah mereka pulang ke Malaysia menjadikan lebih sombong malah tidak mahu berkongsi kepakaran yang mereka perolehi. Tidak seperti negara-negara Timur khususnya Jepun, sifat kelembutan dalam kecekapan telah menarik minat Mahathir Mohamad untuk menjadikan Jepun sebagai model pembangunan Malaysia. Oleh itu, adalah bersesuaian untuk Malaysia mengalih perhatian kepada negara Jepun dan Korea Selatan untuk menghantar pelajar untuk menyerap ilmu pengetahuan negara tersebut. Kesan positif yang berlaku apabila kebanyakan pelajar-pelajar yang pulang dari Jepun telah memberikan kelainan kepada perjalanan industri di Malaysia. Amalan kerajinan dan disiplin yang tinggi telah dapat diterapkan dalam pekerjaan dan menjadi ikutan kepada majikan serta rakan sekerja. Oleh itu, matlamat kerajaan untuk meningkatkan mutu kerja dalam kalangan tenaga kerja dapat dicapai melalui program pendidikan di bawah Dasar Pandang ke Timur.

Misi memodenkan Malaysia melalui Dasar Pandang ke Timur bermula dengan menambah pelaburan Jepun di Malaysia. Kerajaan telah memperluaskan ruang pelaburan bagi negara Jepun dan seterusnya kepada negara luar yang lain. Malaysia bertindak sedemikian kerana Jepun sejak merdeka lagi tidak pernah jemu serta tidak pernah menolak segala permintaan Malaysia dalam menyalurkan bantuan pembangunan dari segi infrastruktur dan ekonomi. Jepun melihat Malaysia sebagai rakan pelaburan yang berpotensi dan Malaysia meletakkan Jepun sebagai rakan pembangunan yang baik. Maka, peluang tersebut diambil Jepun untuk memperluaskan pasaran pelaburan mereka di Malaysia yang secara tidak langsung membantu merencanakan pelaburan asing di Malaysia.

Malaysia juga berhasrat untuk merencanakan pembangunan jangka panjang mereka dengan menjadikan Jepun sebagai rakan pembangunan. Maka, tindakan itu bertepatan dengan situasi ekonomi dunia ketika itu. Kekuatan ekonomi Jepun keteguhan pelabuhan mereka telah menjadi tarikan oleh setiap negara memmbangun termasuk Malaysia. Berpindahanya pusat pasaran kewangan dunia ke Tokyo telah mengejutkan

negara Barat menunjukkan bahawa wilayah Timur bukanlah wilayah yang lemah dan ketinggalan. Dengan kekuatan tabung kewangan yang kukuh, Jepun akan lebih mudah untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada Malaysia apabila diperlukan (Chamil Wariya, 1989).

Pasaran ekonomi Jepun mempunyai peluang yang sangat luas dan belum diterokai sepenuhnya oleh Malaysia. Sikap Jepun yang berhati-hati untuk memilih rakan pelaburan telah menyebabkan pasaran mereka sukar ditembusi oleh negara maju yang lain dan menjadikan kedudukan pelaburan Jepun sentiasa selamat, terjamin dan boleh menjangkau jangka masa yang panjang menerusi dasar perlindungan Jepun. Maka, pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur adalah sangat bersesuaian kerana minat Jepun terhadap Malaysia adalah sangat tinggi di samping dapat membantu Malaysia membina pasaran di Jepun.

Dasar Pandang ke Timur yang telah diperkenalkan mempunyai pelbagai program bagi merencanakan lagi pembangunan Malaysia. Program yang dijalankan telah melibatkan pelbagai sektor dan pihak. Antara program yang dijalankan adalah dalam bidang pelaburan, perdagangan, perindustrian, infrastruktur, kejuruteraan, teknikal, pendidikan, etika kerja dan sebagainya. Dasar ini boleh dikatakan mencakupi seluruh bidang dan melibatkan keseluruhan rakyat Malaysia. Tuntasnya, Dasar Pandang ke Timur telah menjadi satu dasar yang utama dari segi pelaksanaannya sehingga berjaya mengubah haluan pembangunan Malaysia.

Selepas Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan, ruang pelaburan bagi pihak Jepun telah dibuka dengan seluas-luasnya supaya Malaysia dapat menerokai bersama pelaburan yang dijalankan. Jepun sangat berhati-hati untuk memilih rakan pelaburan mereka kerana dikhuatiri akan merugikan pihak mereka. Namun, atas kepercayaan yang tinggi antara kedua-dua pihak, Jepun telah menjadikan Malaysia sebagai rakan pelaburan di Malaysia mahupun di Jepun juga (Daud et.al, 2016). Ia telah membawa kepada penguasaan produk Jepun di Malaysia sehingga meminggirkan produk dari Barat.

Perkembangan infrastruktur dan pembangunan di Malaysia bertambah rancak melalui bantuan dan peranan Jepun dalam Dasar Pandang ke Timur. Malaysia juga tidak ketinggalan untuk mengambil kesempatan dengan membangunkan zon perindustrian asing bagi menarik minat para pelabur asing khususnya dari Jepun. Terdapat banyak zon dan kawasan perindustrian yang telah dibangunkan untuk memudahkan pelabur untuk membangunkan loji dan kilang mereka. Dengan menawarkan

kemudahan yang sistematik, kebanyakan lot-lot perindustrian tersebut telah dipenuhi oleh pelabur asing. Selain daripada zon perindustrian, Malaysia juga telah berjaya membangunkan pelbagai projek infrastruktur antaranya seperti projek lebuh raya, pelabuhan, stesen janakuasa elektrik, landasan kereta api dan sebagainya (Berita Harian, 1991). Infrastruktur yang berjaya dibangunkan tersebut merencanakan lagi perjalanan pelaburan Jepun di Malaysia dan diletakkan antara yang berjaya dalam Dasar Pandang ke Timur.

Dalam bidang kejuruteraan dan teknikal pula, Malaysia telah membangunkan bidang ini seiring dengan bidang perindustrian dan pendidikan. Dengan menyatupadukan bidang-bidang tersebut akan memudahkan penyediaan tenaga mahir bagi memenuhi keperluan industri kejuruteraan dan seterusnya memberikan kesan positif kepada pembangunan perindustrian di Malaysia. Secara tidak langsung juga akan mengurangkan beban negara supaya tidak bergantung kepada tenaga pakar dan penggunaan teknologi asing. Melalui Dasar Pandang ke Timur, kerajaan telah menubuhkan banyak institusi pendidikan teknikal dan kejuruteraan di Malaysia. Jika sebelum ini, kebanyakan pelajar tempatan dihantar ke Jepun untuk menjalani proses penyerapan teknologi, akan tetapi Malaysia tidak boleh berterusan bergantung kepada proses tersebut. Melalui penubuhan institusi peringkat tempatan ini, Malaysia dapat melahirkan tenaga pakar keluaran tempatan dan secara tidak langsung mampu untuk menerokai teknologi sendiri.

Apabila kegiatan pelaburan, perindustrian dan perkembangan teknologi telah berkembang aktif, negara telah menerima tempias kepada perkembangan sosial di Malaysia. Terutamanya dalam misi untuk mencapai Wawasan 2020, pemikiran dan modal insan negara perlu mencapai ketamadunan seperti mana negara maju yang lain di dunia dan perlu mempunyai identiti dan acuan tersendiri. Dasar Pandang ke Timur telah dijadikan satu platform bagi menjayakan dasar tersebut kerana Malaysia telah menjadikan Jepun sebagai model dalam agenda untuk mencapai Wawasan 2020. Jepun sebagaimana diketahui merupakan negara maju yang mampu menandingi negara Barat yang lain telah dijadikan ikutan bagi Malaysia agar impian menjadi negara maju terlaksana.

#### **a) Penerapan Sistem Pengurusan Gaya Jepun melalui Dasar Pandang ke Timur Etika Kerja**

Di sektor awam, sekurang-kurangnya Dasar Pandang ke Timur telah membolehkan kerajaan mengubah sikap dan tabiat bekerja dalam kalangan kakitangan awam supaya menjadi lebih berdisiplin dan berdedikasi terhadap tugas masing-masing. Dengan

memperkenalkan kad perakam waktu (datang dan pulang) di pejabat-pejabat kerajaan, badan-badan berkanun dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Pelaksanaan ini dapat mengesan sama ada terdapatnya pegawai yang ponteng bekerja atau datang lewat ke pejabat. Sekiranya terdapat pegawai yang tidak mengikut arahan mereka akan dikenakan tindakan disiplin termasuk digantung atau dibuang kerja mengikut kes-kes tertentu. Sistem pengurusan masa gaya Jepun merupakan salah satu perkara yang cuba diserapkan melalui Dasar Pandang ke Timur. Kebijaksanaan dalam pengurusan masa merupakan salah satu faktor kejayaan sesuatu organisasi.

Selain itu, jabatan-jabatan awam juga digalakkan mengadakan perhimpunan pada waktu pagi sebelum mula bekerja. Dalam perhimpunan ini terdapat pengisian tertentu termasuk menyanyikan lagu 'Negaraku' dan kakitangan juga diwajibkan memakai tanda nama. Selain itu penekanan juga diberikan kepada kepada konsep pejabat terbuka yang bertujuan untuk memansuhkan tembok yang memisahkan pegawai dan pekerja-pekerja biasa. Di bawah program perubahan sikap pula, kerajaan memperkenalkan perkhidmatan cemerlang, konsep Bersih, Cekap dan Amanah dan Kepimpinan Melalui Teladan. Selain itu terdapat juga pelancaran Buku Panduan Pengurusan dan peningkatan Kualiti dan panduan Pengurusan Menyeluruh (TQM) (Wariya 1989).

### **Sistem 5S**

Jepun sangat menitikberatkan amalan menjaga kebersihan. Oleh itu wujudlah satu konsep yang dikenali sebagai Sistem 5S. konsep ini merujuk kepada amalan penjagaan tempat kerja yang kemas dan bersih berdasarkan prinsip 'tempat untuk semua dan semua di tempatnya. Melalui konsep ini seseorang itu dapat mempraktikkan disiplin dan moral yang baik yang membawa kepada peningkatan produktiviti (Esa 1999). Sistem ini telah lama diamalkan di Jepun dan telah cuba diserapkan ke dalam pengurusan di Malaysia. 5S bermaksud:

- i. Seiri (pengasingan): iaitu mengasing atau membuang barang yang tidak diperlukan di tempat kerja.
- ii. Seiton (penyusunan mengikut keperluan): iaitu menyusun barang yang diperlukan dengan teratur supaya mudah diambil untuk digunakan.
- iii. Seiso (pembersihan): iaitu membersihkan tempat kerja dengan rapi supaya tidak habuk di lantai, mesin, jentera dan perkakas.
- iv. Seiketsu (pemeliharaan kebersihan): iaitu memelihara taraf penjagaan dan penyusuna tempat kerja yang sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
- v. Shitsuku (melatih pekerja mematuhi peraturan: iaitu melatih para pekerja untuk mematuhi peraturan organisasi dan kebersihan setiap masa.

### **b) Peningkatan Pelaburan dan Perdagangan Malaysia-Jepun.**

Dalam konteks pelaburan pula, Jepun juga merupakan pelabur yang terbesar di Malaysia apabila kebanyakan projek pembangunan negara seperti pelabuhan, kawasan perindustrian bebas, pembinaan lebuh raya, jalan kereta api, kabel bawah laut dan empangan hidroelektrik telah dibiayai oleh pelabur Jepun dan pelabur asing lain. Selepas Dasar Pandang ke Timur dilaksanakan, Jepun telah muncul antara pelabur yang terbesar selepas Singapura, Amerika Syarikat, Indonesia dan sebagainya. Oleh kerana prospek Malaysia yang kukuh bersama Jepun, ia juga telah menarik minat pelabur asing lain turut menawarkan diri untuk memulakan pelaburan. Maka, Akta Pelaburan Asing telah diperkenalkan bagi menarik lebih banyak lagi syarikat pelaburan dari negara lain untuk melabur.

Melalui Dasar Pandang ke Timur juga, Malaysia telah berjaya untuk menceburi bidang pembuatan automotif melalui kerjasama pelaburan. Projek ini adalah usaha sama HICOM dengan sumbangan modal sebanyak RM 180 juta dengan Mitisubishi Motors Corporation. Selain kereta, HICOM juga melibatkan diri dengan pengeluaran motorsikal menerusi kerjasama HICOM-Yamaha, HICOM-Honda dan HICOM-Suzuki yang sentiasa mencatatkan keuntungan semenjak tahun 1987. Projek pelaburan menunjukkan peningkatan sebelum Dasar Pandang ke Timur dilancarkan iaitu pada tahun 1980 sebanyak 36 buah projek dengan modal bernilai RM 94.3 juta dan telah meningkat kepada 45 buah projek selepas Dasar Pandang ke Timur dilancarkan. Peningkatan paling ketara adalah pada tahun 1986 dan 1987 apabila projek pelaburan meningkat daripada 45 buah projek kepada 54 buah projek dengan peningkatan nilai projek sebanyak RM 116.3 juta kepada RM 715.2 juta. Keadaan ini berlaku apabila kerajaan telah memberi kelonggaran kepada pelabur asing untuk memiliki ekuiti sebanyak 100% (Awang, 1994).

Menurut Awang (1994) lagi, antara kesan yang menarik dengan kemasukan pelabur Jepun yang banyak di Malaysia ialah penawaran peluang pekerjaan yang banyak. Kebanyakan pelabur jepun yang datang adalah dari sektor pembuatan iaitu sebanyak 447 buah syarikat. Menurut perangkaan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Jepun merupakan pelabur pengeluaran yang utama dalam beberapa sektor berkenaan dan menawarkan sebanyak 300,000 peluang pekerjaan di Malaysia. Selain dari sektor pembuatan, Jepun juga melibatkan diri dalam sektor pembinaan apabila bagi tahun 1984 sahaja sebanyak 36 kontraktor Jepun telah bertapak di Malaysia. Projek pembinaan yang paling menonjol tersebut adalah pembinaan Daya Bumi dan Ibu Pejabat UMNO.

Kejayaan Dasar Pandang ke Timur bukan sahaja dapat menarik minat pelabur Jepun untuk bertapak di Malaysia, malah ia memberikan prospek yang baik kepada ekonomi Malaysia. Keyakinan pelabur asing terhadap kedudukan ekonomi Malaysia menyebabkan mereka juga berminat untuk membuat pelaburan. Kerajaan juga membuka ruang kepada pelabur asing lain seperti Singapura, Indonesia, Korea Selatan, Taiwan dan sebagainya. Dalam tempoh dari tahun 1985 sehingga 1989, purata peningkatan pelabur asing ke Malaysia adalah sebanyak 3.5% dan ia merupakan satu kejayaan besar bagi Malaysia dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi serta memberi imej yang baik kepada pelabur asing lain.

### **c) Pembangunan Industri Pertanian Malaysia**

Kerajaan Malaysia telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Jepun sebagai negara mentor kerana mempunyai teknologi yang menumpukan kepada penanaman padi. Justeru, dengan bantuan teknologi penanaman padi tersebut kepada Malaysia khususnya Sabah dapat meningkatkan kapasiti padi dan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan kepada padi import. Seramai empat orang pakar telah disumbangkan oleh Jepun melalui pembiayaan Rancangan Colombo. Pakar-pakar tersebut adalah mahir dalam bidang pengurusan jentera pemprosesan padi dan tiga orang pakar dalam penghasilan padi. Pada masa yang sama, tinjauan dan bimbingan akan dilakukan oleh pakar-pakar tersebut terhadap pengusaha padi tempatan dan pengusaha kilang pemprosesan padi (Fail Unit Perancang Ekonomi 1983). Bimbingan yang dilakukan bertujuan untuk membantu pihak terlibat dalam memastikan kapasiti pengeluaran dapat dipertingkatkan di samping mengurangkan kos. Pengurangan kos akan membantu meningkatkan taraf ekonomi pengusaha padi supaya dapat menumpukan kepada proses memajukan sektor tersebut.

Kemajuan dalam sektor pertanian tersebut telah mengalami perkembangan yang positif dalam aspek pengeluarannya. Keperluan bagi mempercepatkan proses pengeluaran perlu dilakukan dengan memperbanyakkan jentera-jentera yang moden. Berikutan kedudukan kewangan negara pada ketika itu amat terhad maka kerajaan tidak mampu untuk memenuhi keperluan jentera-jentera tersebut. Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan untuk membeli jentera-jentera bagi sektor pertanian yang mempunyai kepentingan tertentu. Di samping membelinya sendiri, kerajaan juga memohon bantuan dari beberapa negara maju lain bagi menyumbangkan jentera untuk keperluan pertanian negara. Pada 29 Ogos 1968, beberapa jentera telah disumbangkan oleh kerajaan Jepun untuk membantu Malaysia (Fail Jabatan Penerangan Malaysia 1968). Jentera pembajak tersebut disumbangkan bersama dengan jentera pembalakan kerana pada era tersebut,

sektor pembalakan juga merupakan salah satu sumber pendapatan negara. Dengan bantuan yang diberikan akan membantu Malaysia mempercepatkan perolehan dana dari industri tersebut.

#### **d) Pembangunan Sektor Pendidikan Teknikal di Malaysia**

Proses penghantaran pelajar Malaysia ke Jepun telah memberikan impak yang ketara kepada pembangunan pendidikan di Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan teknikal. Usaha tersebut telah berjaya menyediakan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan institusi pengajian teknikal yang semakin berkembang pesat. Pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan Malaysia mengambil bahagian untuk menubuhkan institusi pendidikan teknikal dan keperluan tenaga pengajar yang berpengalaman adalah sangat diperlukan. Sikap keterbukaan tersebut menunjukkan kesungguhan mereka dalam membantu Malaysia untuk membangunkan tenaga kerja yang mahir dalam kalangan rakyat tempatan. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia terhadap tenaga mahir dari negara maju yang lain dalam menjalankan operasi industri di Malaysia.

Seterusnya melalui penubuhan beberapa institusi dan pusat latihan teknikal telah merancakkan lagi penglibatan para belia untuk menyelamo bidang teknikal di Malaysia dengan tertubuhnya Sekolah Teknik, Sekolah Vokasional, Maktab Teknik, Institut Vokasioanal MARA, Politeknik dan sebagainya. Menyingkap kerjasama antara Malaysia dan Jepun, MARA merupakan satu organisasi yang berjaya menubuhkan banyak institusi pendidikan teknikal dan berjaya menghantar pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun. Dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK2), seramai 240 orang pelajar telah dihantar ke Jepun untuk melanjutkan pelajaran di sana. Kini, MARA telah mempunyai kepakaran dan kemudahan yang mampu menjadi pusat penyerapan teknologi dari Jepun. Selain daripada Universiti Teknologi MARA (dahulu dikenali dengan Institut Teknologi MARA), beberapa institusi MARA telah ditubuhkan seperti Institut Kemahiran MARA, Kolej Polytech MARA, Kolej Kemahiran Tinggi dan seterusnya MARA Japan Industrial Institute. Penubuhan institusi-institusi ini adalah kesan daripada pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur yang memerlukan penyerapan dan kemahiran teknologi dari Jepun. MARA dilihat sebagai organisasi yang sering bergerak untuk meningkatkan pendidikan Bumiputra sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

## **PENUTUP**

Usaha dan peranan yang dimainkan semasa pelaksanaan Dasar Pandang Timur oleh kedua-dua negara memberikan kesan yang positif terhadap pembangunan yang dirancang. Kini, Dasar Pandang ke Timur yang telah mencecah lebih 30 tahun secara kasarnya memperlihatkan bahawa Malaysia telah mencapai kejayaan dalam pelaksanaannya kerana perkembangan dan perubahan ekonomi telah berlaku secara jelas sekali. Malaysia juga menjadi penyumbang yang besar kepada kejayaan Jepun sebagai kuasa ekonomi dan negara yang berpengaruh di rantau Asia. Disebabkan oleh pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur yang telah membuka banyak ruang kepada Jepun untuk melabur di Malaysia dan juga negara Asean yang lain. Dasar tersebut telah memberi peningkatan yang lebih intensif kepada hubungan luar yang telah terbentuk bertahun dahulu. Kerjasama ekonominya memberi impak yang jelas dalam pelbagai bidang terutamanya dalam sektor kewangan, pelaburan, perdagangan, teknikal dan juga pendidikan.

## **RUJUKAN**

- Chamil Wariya. 1989. *Dasar Lua Era Mahathir*. Fajar Bakti: Petaling Jaya.
- Colenso. M. 2000. *Kaizen Strategies for Improving Team Performance*. London: Pearson Education.
- Faridah Jaafar. 2007. *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Johan Saravanamuttu. 1983. *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Johan Saravanamuttu. 1996. *Malaysia's Foreign Policy in the Mahathir Period, 1981-1995: An Iconoclast Come to Rule*, *Asian Journal of Political Science*, Vol. 4, No. 1. 24
- Lai, Y. M. 2017. *Look East Policy? Malaysia-Japan Relations in the 21st Century*. MANU. No. 26. pp. 1-27
- Laman Web Rasmi Utusan Malaysia, *Gelombang Kedua Dasar Pandang ke Timur*, [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/2013026/dn\\_02/Gelombang-kedua-Dasar-Pandang-ke-Timur](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/2013026/dn_02/Gelombang-kedua-Dasar-Pandang-ke-Timur) (28 Oktober 2016)
- Lee Poh Ping. 2004. *The Look East Policy. The Japanese model and Malaysia*. In: Welsh B (ed) *Reflections the Mahathir years*, pp.318-324. Johns Hopkins University, Washington.
- Kasminder Singh Dhillon. 2005. "Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era, 1983-2003". Unpublished Ph.D. Thesis. Boston, USA: Boston University.

- Kasminder Singh Dhillon, 2009. *Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era, 1983-2003: Dilemmas of Development*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Karim, A et. Al 1990. *Malaysia Foreign Policy: Issues and Perspectives*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration.
- Khadijah Mohd Khalid dan Lee Poh Ping. 2003. *Whither the Look East Policy*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ,Uqbah Iqbal. 2015. *Sejarah Pemikiran Dasar Pandang ke Timur Era Tunku Abdul Rahman*. SARJANA. Vol.30 No.31 pp. 83-98.
- Zainur Ariff Hussain. 2011. *The Malaysian Look East Policy: A Public Policy Perspective*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.